

08 MAY 2001

Mahathir-Sistem

KERAJAAN GUNA KOMPUTER PANTAU PEMBANGUNAN PROJEK

PUTRAJAYA, 8 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Sistem Pemantauan Projek 2 (PMS) yang menggunakan rangkaian komputer akan membolehkan kerajaan mengetahui status sesuatu projek, sama ada ia dilaksanakan mengikut jadual atau sebaliknya.

Katanya PMS2 akan digunakan supaya kerajaan dapat mengetahui bentuk pembangunan yang berlaku walaupun di tempat yang terpencil.

"Kita dah luluskan dan siapkan wang tetapi projek tak jalan juga," katanya semasa merasmikan Persidangan Pegawai Daerah seluruh Malaysia 2001 dan pelancaran Arahan Nombor 1, 2001 dan Sistem Pemantauan Projek di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata ini kerana tiada laporan atau maklumat balas mengenai kemajuan sesuatu projek tetapi dengan adanya sistem baru ini kerajaan akan mendapat maklumat dengan serta-merta dan dapat mempersoalkan mengenai sesuatu kelewatan.

Katanya melalui sistem itu maklumat dari peringkat daerah dapat diketahui oleh kerajaan pusat dengan serta-merta.

Di samping itu, pihak daerah pula dapat mengetahui sama ada sesuatu peruntukan sudah diluluskan atau tidak serta mengetahui peringkat pembangunan di peringkat pusat.

Dr Mahathir juga meminta Pegawai Daerah dan pegawai-pegawai pembangunan supaya mempercepatkan pembayaran untuk sesuatu projek dan jangan melengah-lengahkan sesuatu keputusan pembayaran.

Beliau juga berkata pembangunan perlu dijalankan secara teratur, dan menyaranakan supaya setiap pegawai di peringkat daerah mempunyai manual prosedur kerja supaya kelewatan dapat dielakkan.

Katanya kerajaan mahu supaya peruntukan tambahan RM3 bilion kepada belanjawan 2001 dibelanjakan dengan cepat.

"Cara kita membelanjakan wang ini dengan efisien akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kita ada kurang tujuh bulan untuk membelanjakan wang tambahan ini," katanya.

Dr Mahathir berkata pendekatan baru kerajaan melalui PMS itu berfungsi sama seperti bilik gerakan yang sedia ada.

Beliau berkata peruntukan bagi sesuatu tahun harus digunakan dari Januari hingga Disember dan sebarang kelewatan akan hanya meningkatkan kos pembangunan.

"Kalau sesuatu projek dijadualkan untuk tahun ini, ia harus dilaksanakan dan siap tahun ini juga," katanya.

Dr Mahathir juga meminta pegawai daerah memahirkan diri dalam penggunaan komputer dan mengetahui hal urusan kewangan.

"Sistem komputer ini tidak akan berjaya jika pegawai yang di sebelah sana tidak memasukkan data yang diperlukan mengenai sesuatu projek ke dalam sistem komputer itu," kata beliau.

Arahan Nombor 1, 2001 yang menggantikan arahan Nombor 1, 1996 adalah satu jentera baru penyelarasan pembangunan. Jentera itu diperkukuhkan dengan PMS.

Dr Mahathir kemudian mengadakan sesi dialog tertutup dengan hadirin.

Persidangan tiga hari itu, yang bermula hari ini, turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

-- BERNAMA

DC AHH NMO